



Pahang peruntuk RM184.4 juta atasi masalah bekalan air

Asrol Awang
am@hmetro.com.my



WAN Rosdy ketika menggulung perbahasan pada Persidangan Penggal Ke-5 Dun Pahang. FOTO Farizul Hafiz Awang

Kuantan: Sejumlah RM184.4 juta diperuntukkan untuk menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan tumpuan dan menambah kapasiti rizab pengeluaran beberapa loji rawatan air seluruh Pahang tahun ini.

Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, peruntukan kerajaan negeri melalui Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) membabitkan 70 projek untuk memastikan rakyat mendapat akses bekalan air.

Katanya, antara projek berkenaan ialah pemasangan paip sepanjang 35 kilometer dari Loji Rawatan Air Keloi sehingga ke Kg Ulu Atok di Raub yang berjumlah RM12 juta yang dijangka siap pada suku kedua tahun depan.

"Selain itu, projek menaik taraf sistem bekalan air di Felda Sungai Retang, Jerantut berjumlah RM3.4 juta yang akan siap pada November tahun ini.

"Projek menaik taraf sistem bekalan air di Pekan Awah, Maran dengan peruntukan sebanyak RM5.2 Juta yang akan ditender pada Jun depan," katanya.

Wan Rosdy berkata demikian pada sesi penggulungan Persidangan Mesyuarat Pertama, Penggal Ke-5 Dewan Undangan Negeri (Dun) Pahang Ke-14 di sini, hari ini.

Bagi memastikan penyelesaian isu bekalan air di seluruh Pahang, beliau sendiri akan turun padang menjelajah ke setiap daerah.

Disiarkan pada: April 1, 2022 @ 4:21pm